

Headline **FRIM tawar kursus produk herba**
Date **11 Jul 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **147 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,905**
PRValue **8,716**



FRIM tawar kursus produk herba

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menawarkan satu Kursus Teknologi Piawaian Tumbuhan Ubatan dan Peningkatan Kualiti Produk Herba bermula esok selama tiga hari untuk usahawan herba, pelajar dan penyelidik serta orang perseorangan yang terlibat dalam industri berkenaan.

Tujuan kursus tersebut ialah untuk memperkukuhkan kualiti produk herba tempatan yang berpotensi untuk menembusi pasaran global.

Kursus berkenaan juga merupakan sesi pembelajaran asas dalam aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke arah pembangunan produk tumbuhan ubatan dan herba.

Para peserta akan diberi pendedahan mengenai teori dan kaedah dalam meningkatkan kualiti produk herba, bermula daripada pemilihan bahan mentah, penilaian potensi dan seterusnya ke peringkat pembangunan produk.

Penyelidikan herba yang diterajui oleh Bahagian Hasil Semulajadi FRIM memberi fokus kepada aktiviti R&D dalam bidang tumbuhan ubatan, sejajar dengan proses transformasi dalam pelaksanaan Aktiviti Utama Ekonomi Nasional (NKEA) untuk Rancangan Malaysia ke-10.

Ceramah yang akan disampaikan merangkumi topik-topik penting termasuklah piawaian bahan herba dan hasil semulajadi; penilaian biopotensi herba; pemprosesan dan pembangunan produk; kawalan kualiti produk herba; dan pengawalan dan penguatkuasaan.

Untuk meningkatkan pemahaman para peserta, demonstrasi dan lawatan ke makmal-makmal R&D di Bahagian Hasil Semulajadi FRIM akan dijalankan. Kursus berkenaan dihadkan kepada 50 orang peserta sahaja.

Keterangan lanjut tentang kursus boleh didapati dalam laman sesawang FRIM - www.frim.gov.my. Untuk pendaftaran atau pertanyaan, sila hubungi Norulaiman Yusoff (03-6279 7362 / norulaiman@frim.gov.my) atau Nuziah Hashim (03-62797339 / nuziah@frim.gov.my).